

10/06/1998

Kepemimpinan Umno bersikap terbuka

PERHIMPUNAN Agung Umno yang bermula 18 Jun ini mendapat isyarat tidak ada sebarang perkara perlu dirahsiakan jika matlamatnya adalah untuk kebaikan parti, rakyat dan negara. Perwakilan yang akan membahaskan dua usul - usul ucapan dasar presiden dan usul ekonomi - bebas membangkitkan apa saja isu yang terpendam di hati dalam perbahasan sepanjang persidangan tiga hari itu. Sebagaimana diputuskan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam semalam, tidak ada halangan bagi perwakilan membangkitkan isu nepotisme dan rasuah. Malah, kita percaya beberapa isu lain yang berkaitan dengannya boleh ditimbulkan berasaskan kaitan dan kepentingannya. Walaupun kita berpendapat MT tidak perlu membuat arahan itu atas dasar kebebasan bersuara memang diberikan kepada setiap ahlinya, mungkin disebabkan Umno mahu mendengar pandangan jujur dari peringkat akar umbi, penegasan mengenainya perlu dibuat supaya tidak ada pihak yang berasa bimbang untuk membangkitkan persoalan itu. Pada kita, setiap perwakilan yang dipilih untuk berhujah, bukan saja mampu membongkar kelemahan yang wujud dalam sistem hari ini, malah turut memberi pandangan yang tegas dan berani. Tidak salah menyatakan kelemahan jika ia boleh mendatangkan kebaikan. Tidak mustahil ada perkara yang belum pernah difikirkan oleh kepemimpinan parti dapat diselami dan dijadikan penawar dalam menghadapi keadaan yang mencabar hari ini.

Disebabkan isu yang akan dibincangkan membabitkan masa depan negara berikutan kegawatan ekonomi, kita percaya mereka akan menggunakan peluang ini sebaik mungkin. Bagaimanapun, kita berharap peluang ini tidak digunakan untuk sesuatu tujuan yang boleh merosakkan parti dan memberi peluang kepada pihak luar menghentam parti. Begitu juga, peluang ini tidak seharusnya dipersia-siakan dengan membangkitkan isu yang tidak lagi relevan dengan tuntutan hari ini. Keadaan ekonomi yang dihadapi kini adalah serius dan ia perlu dibincangkan dengan serius.

Bagi Umno, selagi persoalan seperti itu terus terpendam dan tidak ada pihak yang berani membangkitkannya secara terbuka, bermakna ahli sendiri menolak ketelusan dalam parti. Umno sudah membuka jalan dan terpulanglah kepada perwakilan untuk menggunakan kesempatan ini. Mendengar hujah yang dibangkitkan ketika Umno membincangkan isu politik wang dalam beberapa perhimpunan agungnya yang lalu, tidak syak lagi, kepanasan isu baru ini adalah dijangkakan.

Kita percaya Umno sudah dapat merasakan persoalan pokok yang dikaitkan dengan kegawatan ekonomi hari ini dan perkara lain yang bersangkutan dengannya, sudah begitu hangat dibincangkan oleh rakyat pelbagai peringkat dan tidak wajar lagi disembunyikan. Oleh itu, daripada membiarkan mereka bercakap atau bertindak di luar gelanggang, adalah lebih baik memberi ruang untuk mereka meluahkan pandangan dan jika perlu, diberi perhatian. Dalam perhimpunan agung Umno kali ini, yang tidak ada pemilihan kepemimpinan parti, kita juga berharap ia bebas daripada sebarang bentuk spekulasi. Matlamat kita ialah menjadikan Umno lebih kuat dan padu.

Bagi kita, jika perwakilan takut bercakap dalam platform Umno, kita tidak nampak platform lain yang lebih berkesan untuk menyuarakan pandangan. Sekiranya mereka cuba menyembunyikan hakikat sebenar, sudah tentu pemimpin tertinggi parti tidak dapat menyelami isi hati mereka. Kita mahu mereka sama-sama mengemukakan pandangan dan sama-sama juga membuat keputusan.

Kita percaya dengan barisan kepemimpinan Umno yang bersikap terbuka,

mereka akan mendengar pandangan daripada perwakilan yang mewakili ahli parti dan seluruh rakyat. Sebagaimana dijelaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno tidak akan menghalang mana-mana perwakilan daripada membangkitkan isu nepotisme dan rasuah dalam perbahasan pada perhimpunan agung parti itu nanti. Malah, Presiden Umno itu sendiri yakin perwakilan akan membahaskan isu ekonomi kerana sebahagian daripada mereka turut terjejas dengan kegawatan sekarang. Dr Mahathir sendiri memberi gambaran awal beliau sendiri akan menyentuh soal kegawatan ekonomi dalam perhimpunan yang sama ketika merasmikan perhimpunan itu. Tidak syak lagi isu itu ia akan menjadi fokus utama perbahasan. Kita percaya isu ini akan mula disemarakkan dalam mesyuarat agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno sehari sebelum itu dan seterusnya ke Perhimpunan Agung Umno.

(END)